

# UMS tangani isu kekurangan bekalan tenaga

UM 14.5.2014 26

KOTA KINABALU 13 Mei - Universiti Malaysia Sabah (UMS) sejak ditubuhkan kira-kira 20 tahun lalu, banyak memberi impak kepada pembangunan pendidikan di negeri ini.

Pelbagai aktiviti penyelidikan dijalankan bagi membantu kerajaan menyelesaikan permasalahan yang dihadapi masyarakat di negara ini, khususnya di Sabah.

Terbaharu, UMS melalui Unit Penyelidikan Tenaga (ERU) menganjurkan satu Konvensyen Kolokium Mengenai Tenaga Baharu dan

Boleh Diperbaharui (CNRET) 2014 bagi membincangkan masalah permintaan sumber tenaga yang semakin meningkat.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah berkata, tenaga boleh diperbaharui mampu memainkan peranan penting dalam menangani masalah kekurangan bekalan kuasa di negeri ini.

"Tenaga boleh diperbaharui seperti biomas, hidro, geoterma, angin dan tenaga solar dilihat boleh menjadi bekalan kuasa alternatif bagi

menyelesaikan isu tersebut di negeri ini," katanya dalam ucapan perasmian seminar itu baru-baru ini.

Teks ucapan beliau dibacakan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Shariff Abd. Kadir Omang.

Seminar sehari itu turut mendapat perhatian Pengarah Urusan Leonics Co. Ltd. Thailand, Dr. Wuthipong Suponthana bersama-sama 12 pembentang kertas kerja daripada pelbagai agensi berkaitan di Malaysia.

Tenaga boleh diperbaharui seperti biomas, hidro, geoterma, angin dan tenaga solar dilihat boleh menjadi bekalan kuasa alternatif bagi menyelesaikan isu tersebut di negeri ini

MOHD. HARUN ABDULLAH

Naib Canselor UMS

